

23 JUL 2001

MAHATHIR-UEM

WANG RAKYAT TIDAK AKAN DIBAZIRKAN DALAM PEMBELIAN UEM

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi yang kerajaan tidak akan membazirkan wang rakyat dalam menggunakan perbadanan Perbendaharaannya, Khazanah Nasional Bhd untuk mengambilalih dan menguasai syarikat yang berdepan dengan masalah hutang, United Engineers (Malaysia) Bhd (UEM) dari Renong Bhd.

"Kita tidak akan melakukan sesuatu tanpa mendapat apa-apa manfaat," kata beliau apabila diminta mengulas mengenai pengambilalihan UEM bernilai RM3.8 bilion oleh Syarikat Danasaham Sdn Bhd yang hari ini mengeluarkan tawaran sukarela bersyarat kepada pihak lembaga UEM. Danasaham merupakan anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional, cabang pelaburan kerajaan.

Danasaham membuat tawaran untuk membeli 99.78 peratus saham-saham UEM atau 815,303,483 saham-saham, 50 sen setiap satu pada harga RM4.50 sesaham secara tunai dan 98.84 peratus waran-waran UEM atau 98,053,203 waran pada harga 40 sen setiap waran secara tunai.

Sebagai sebuah jentera tujuan khas untuk mengambilalih UEM, Danasaham turut menawarkan untuk mengambilalih semua saham-saham biasa baru pada 50 sen setiap satu dalam UEM yang mungkin akan diterbitkan selaras dengan proses tawaran waran dalam UEM.

Khazanah sudahpun memiliki 0.22 peratus atau 1.773 juta saham biasa bernilai 50 sen setiap satu dalam UEM dan kira-kira 1.16 peratus atau 1,151,600 waran UEM.

Berita tersebar pada minggu lalu bahawa kerajaan akan mengambilalih kumpulan Renong. Saham UEM dan Renong digantung sejak 18 Julai lalu sementara menunggu pengumuman pengambilalihan itu dan kali terakhir disebut harga masing-masing pada RM3.56 dan 80.5 sen.

Tawaran pengambilalihan Danasaham itu adalah pada 26.4 peratus premium mengatasi harga pra-penggantungan saham UEM dan 52 peratus diskaun mengatasi harga waran UEM 83 sen.

Ditanya sama ada, selepas Danasaham berjaya mengambilalih dan menguasai UEM dari Renong, bekas naib pengerusi syarikat, Tan Sri Halim Saad, masih perlu membayar apa yang ia masih berhutang dengan UEM, Dr Mahathir berkata: "Jika kita ambilalih, saya rasa kita ambilalih hutang-hutang itu sekali.

"Kita tidak boleh mengambilalih aset tanpa mengambilalih hutang," kata beliau. -- BERNAMA

MK MR SEL AA